

Lahir Pelajar Minda Kelas Pertama

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 19 Julai 2010 17:03

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

19 JULAI 2010 / 7 SYAABAN 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Lahir Pelajar Minda Kelas Pertama

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar: Zamarizul Salleh



ILMU...Sekitar Majlis Menandatangani MoA antara UUM dengan PGSABK di EDC-UUM, semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT ONLINE : Ilmu pengetahuan memainkan peranan penting dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan negara Islam pertama daripada 57 negara Pertubuhan Negara Islam (OIC).

Generasi terpelajar pada zaman ekonomi berasaskan pengetahuan atau K-Ekonomi juga dilihat akan melahirkan pelajar yang diperkasakan dengan ilmu dan iman agar tidak lagi bergantung dengan pihak luar untuk memiliki kepakaran sendiri.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, kita perlu mencapai kecemerlangan dalam ilmu dengan berpaksikan kepada budi pekerti yang dapat memberi sumbangan kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

"Biarlah kurang pandai asalkan pelajar mempunyai akhlak yang mulia sebab itu, guru berperanan untuk mendidik bukan hanya mengajar".